



26 Jun 2026
26 June 2026
P.U. (A) 230

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH PERSAINGAN (PENGECUALIAN BLOK BAGI
PERJANJIAN PERKONGSIAN VESEL BERKENAAN DENGAN
PERKHIDMATAN PELAYARAN TETAP) 2026

*COMPETITION (BLOCK EXEMPTION FOR VESSEL SHARING
AGREEMENTS IN RESPECT OF LINER SHIPPING SERVICES)
ORDER 2026*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERSAINGAN 2010

PERINTAH PERSAINGAN (PENGECEUALIAN BLOK BAGI PERJANJIAN PERKONGSIAN
VESEL BERKENAAN DENGAN PERKHIDMATAN PELAYARAN TETAP) 2026

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 8(1) Akta Persaingan 2010 [Akta 712], Suruhanjaya membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Persaingan (Pengecualian Blok bagi Perjanjian Perkongsian Vesel berkenaan dengan Perkhidmatan Pelayaran Tetap) 2026**.

(2) Perintah ini hendaklah mula berkuat kuasa dari 7 Julai 2025 hingga 6 Julai 2030.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini—

“pengendali pelayaran tetap” ertinya suatu entiti perusahaan pihak yang—

(a) menyediakan perkhidmatan pelayaran tetap; dan

(b) menjadi pihak kepada suatu Perjanjian Perkongsian Vesel;

“Perjanjian Perkongsian Vesel” ertinya suatu perjanjian antara pengendali pelayaran tetap yang menurut perjanjian itu pihak-pihak kepada perjanjian itu hanya boleh berbincang dan bersetuju mengenai perkiraan pengendalian yang berhubungan dengan perkhidmatan pelayaran tetap, termasuk penyelarasan atau pengendalian bersama perkhidmatan vesel, dan pertukaran atau pencarteran ruang vesel;

“perkhidmatan pelayaran tetap” ertinya apa-apa perkhidmatan yang diberikan oleh pengendali pelayaran tetap kepada mana-mana pengguna pengangkutan atas

bayaran bagi pengkontenaan apa-apa barangan dan menggunakan pengangkutan laut pada kebiasaannya—

- (a) melalui mana-mana laluan tertentu di antara pelabuhan-pelabuhan; dan
- (b) mengikut jadual dan tarikh pelayaran yang dijadikan tersedia dan diiklankan terlebih dahulu,

tetapi tidak termasuk perkiraan pencarteran keseluruhan vesel dengan mana-mana pengguna pengangkutan seperti kapal tangki dan perkhidmatan vesel pukal.

Pengecualian blok

3. Perjanjian Perkongsian Vesel diberikan suatu pengecualian blok dan dikecualikan daripada larangan di bawah seksyen 4 Akta.

Syarat pengecualian blok

4. Pengecualian blok yang diberikan di bawah perenggan 3 adalah tertakluk kepada syarat yang berikut:

- (a) Perjanjian Perkongsian Vesel itu hendaklah—
 - (i) hanya bagi perkongsian vesel, pengendalian bersama bagi perkhidmatan vesel, atau pertukaran atau pencarteran ruang vesel, antara pengendali pelayaran tetap;
 - (ii) bagi suatu tempoh yang munasabah;
 - (iii) membenarkan setiap pengendali pelayaran tetap untuk membuat apa-apa kontrak sulit dan menawarkan apa-apa perkiraan dan harga bagi perkhidmatan pelayaran tetapnya; dan
 - (iv) memastikan setiap pengendali pelayaran tetap memperuntukkan kapasiti ruang vesel yang mencukupi sebagai tindak balas kepada

naik turun dalam penawaran dan permintaan, yang mungkin diperlukan untuk operasi perkhidmatan bersama di mana-mana pelabuhan di Malaysia; dan

- (b) Perjanjian Perkongsian Vesel itu tidak boleh—
- (i) meliputi apa-apa pengangkutan darat bagi pembawaan barangan yang merupakan sebahagian daripada pengangkutan terus yang disediakan oleh penyedia logistik, penghantar, pengendali depot, pemandu lori, pengendali kereta api, penyedia perkhidmatan penyatuan kemudahan luar dok, dan penyedia perkhidmatan penyimpanan luar dok dan pergudangan;
 - (ii) mengandungi apa-apa unsur penetapan harga, pengesyoran harga atau pengenaan tarif, oleh mana-mana orang terhadap pengguna pengangkutan;
 - (iii) menghendaki penzahiran apa-apa maklumat sulit berkenaan dengan perkiraan bagi perkhidmatan pelayaran tetap kepada mana-mana pengguna pengangkutan oleh mana-mana pengendali pelayaran tetap; dan
 - (iv) menghendaki mana-mana pihak kepada perjanjian untuk mematuhi secara mandatori apa-apa tarif atau mendedahkan apa-apa maklumat sulit berkenaan dengan perkiraan perkhidmatan pelayaran tetap kepada pihak lain.

Obligasi di bawah pengecualian blok

5. (1) Suatu salinan Perjanjian Perkongsian Vesel hendaklah difailkan oleh salah seorang daripada pengendali pelayaran tetap yang menjadi pihak kepada perjanjian itu dengan Suruhanjaya dalam masa dua minggu dari tarikh perjanjian itu ditandatangani.

(2) Jika apa-apa perubahan atau pindaan dibuat kepada Perjanjian Perkongsian Vesel itu selepas pemfailan perjanjian itu di bawah subperenggan (1), salah seorang daripada pengendali pelayaran tetap yang menjadi pihak kepada perjanjian itu hendaklah memfailkan perubahan atau pindaan itu secara bertulis dengan Suruhanjaya dalam masa dua minggu dari tarikh perubahan atau pindaan itu dibuat.

(3) Jika perubahan atau pindaan yang disebut dalam subperenggan (2) tidak dibuat secara bertulis, salah seorang daripada pengendali pelayaran tetap itu hendaklah memfailkan dengan Suruhanjaya suatu memorandum yang memberikan perihalan terperinci mengenai perubahan atau pindaan itu secara bertulis dengan secepat yang dapat dilaksanakan.

(4) Setiap pengendali pelayaran tetap hendaklah mengemukakan kepada Suruhanjaya suatu laporan pematuhan tahunan yang mengandungi maklumat yang dikehendaki oleh Suruhanjaya dalam tempoh enam puluh hari selepas berakhirnya setiap tahun kalendar dalam bentuk yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(5) Setiap pengendali pelayaran tetap hendaklah mengemukakan kepada Suruhanjaya suatu laporan dwitahunan mengenai pematuhan Perjanjian Perkongsian Vesel dengan kehendak bagi pelepasan liabiliti di bawah seksyen 5 Akta dalam bentuk yang ditentukan oleh Suruhanjaya dalam tempoh enam puluh hari selepas berakhirnya tempoh dua tahun kalendar yang laporan dwitahunan itu dikemukakan.

(6) Suruhanjaya boleh menghendaki mana-mana pengendali pelayaran tetap untuk memberi butir-butir lain yang perlu bagi Suruhanjaya untuk menjalankan penilaian pasaran perkhidmatan pelayaran tetap dalam laporan yang dibuat di bawah subperenggan (4) dan (5).

(7) Jika mana-mana pengendali pelayaran tetap yang menjadi pihak kepada Perjanjian Perkongsian Vesel ingin memohon suatu pengecualian blok yang baharu selepas tamat tempoh Perintah ini, salah seorang daripada pengendali pelayaran tetap itu hendaklah membuat permohonan kepada Suruhanjaya sekurang-kurangnya enam bulan sebelum tamat tempoh Perintah ini.

Kewajipan untuk menjadikan dokumen atau maklumat tersedia

6. (1) Apabila diminta oleh Suruhanjaya, pengendali pelayaran tetap hendaklah menjadikan tersedia kepada Suruhanjaya apa-apa dokumen atau maklumat yang berhubungan dengan perkhidmatan pelayaran tetap atau perkhidmatan lain yang disediakan oleh pengendali pelayaran tetap itu di bawah Perjanjian Perkongsian Vesel yang kepadanya pengendali pelayaran tetap itu menjadi pihak, dalam apa-apa bentuk, mengikut apa-apa cara dan dalam apa-apa tempoh yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(2) Pengendali pelayaran tetap itu hendaklah menjadikan tersedia dokumen atau maklumat yang disebut di bawah subseksyen (1)—

(a) di pejabat pengendali pelayaran tetap itu atau ejennya di Malaysia; dan

(b) secara umum dalam laman sesawang internet.

Pembatalan pengecualian blok

7. (1) Suruhanjaya boleh, dengan notis secara bertulis kepada pengendali pelayaran tetap, membatalkan pengecualian blok yang diberikan di bawah perenggan 3 jika—

(a) apa-apa pindaan yang dibuat kepada Perjanjian Perkongsian Vessel yang melanggar apa-apa syarat yang dikenakan di bawah perenggan 4;

(b) terdapat suatu kegagalan untuk mematuhi apa-apa obligasi yang dikenakan di bawah perenggan 5 dan 6; atau

(c) Suruhanjaya berpendapat bahawa Perjanjian Perkongsian Vesel itu bukan suatu perjanjian yang baginya seksyen 5 Akta terpakai.

(2) Pembatalan yang dibuat oleh Suruhajaya di bawah subperenggan (1) hendaklah mula berkuat kuasa—

- (a) dalam hal subsubperenggan (1)(a) atau (b), dari tarikh pelanggaran syarat atau kegagalan mematuhi obligasi yang dikenakan, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan
- (b) dalam hal subsubperenggan (1)(c), dari tarikh yang ditentukan oleh Suruhanjaya dalam notis itu.

Dibuat 19 Jun 2026

[KPDN.100 - 1/1/36; MyCC/600-4/2/4 (24); PN(PU2)724/III]

TAN SRI DATO' SRI IDRUS HARUN
Pengerusi
Suruhanjaya Persaingan

COMPETITION ACT 2010

COMPETITION (BLOCK EXEMPTION FOR VESSEL SHARING AGREEMENTS IN RESPECT OF LINER SHIPPING SERVICES) ORDER 2026

IN exercise of the powers conferred by subsection 8(1) of the Competition Act 2010 [Act 712], the Commission makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Competition (Block Exemption for Vessel Sharing Agreements in respect of Liner Shipping Services) Order 2026**.

(2) This Order shall be effective from 7 July 2025 to 6 July 2030.

Interpretation

2. In this Order—

“liner shipping operator” means an enterprise entity which—

(a) provides liner shipping services; and

(b) is a party to a Vessel Sharing Agreement;

“Vessel Sharing Agreement” means an agreement between liner shipping operators where pursuant to the agreement the parties to the agreement shall only discuss and agree on operational arrangements relating to liner shipping services, including the coordination or joint operation of vessel services, and the exchange or charter of vessel space;

“liner shipping services” means any service provided by a liner shipping operator to any transport user upon payment for the containerization of goods and by using transportation by sea on a regular basis—

(a) through any particular route between ports; and

- (b) in accordance with timetables and sailing dates which are made available and advertised in advance,

but shall not include full vessel chartering arrangements with any transport user such as a tanker and bulk vessel services.

Block exemption

3. Vessel Sharing Agreements are granted block exemption and are exempted from the prohibition under section 4 of the Act.

Conditions of block exemption

4. The block exemption granted under paragraph 3 is subject to the following conditions:

- (a) the Vessel Sharing Agreement shall—
- (i) only be for the sharing of vessels, joint operation of vessel services, or exchange or charter of vessel space, between liner shipping operators;
 - (ii) be for a reasonable period of time;
 - (iii) allow each liner shipping operator to enter into any confidential contract and to offer any arrangement and pricing of its liner shipping services; and
 - (iv) ensure that each liner shipping operator allocates sufficient vessel space capacity in response to fluctuations in supply and demand, which may be necessary for the operation of a joint service in any port in Malaysia; and
- (b) the Vessel Sharing Agreement shall not—

- (i) include any inland transport for carriage of goods which is part of direct services provided by logistics providers, forwarders, depot operators, truckers, railroaders, off-dock consolidation facility service providers, and off-dock storage and warehousing service providers;
- (ii) contain any element of price fixing, price recommendation or tariff imposition, by any person on transport users;
- (iii) require the disclosure of any confidential information concerning the liner shipping service arrangements to any transport user by any liner shipping operator; and
- (iv) require any party to the agreement to mandatorily adhere to any tariff or disclose any confidential information concerning the liner shipping service arrangements to other parties.

Obligation under block exemption

5. (1) A copy of a Vessel Sharing Agreement shall be filed by one of the liner shipping operators that is a party to the agreement with the Commission within two weeks from the date on which the agreement is signed.

(2) Where any variation or amendment is made to the Vessel Sharing Agreement after the filing of the agreement under subparagraph (1), one of the liner shipping operators that is a party to the agreement shall file the variation or amendment in writing with the Commission within two weeks from the date on which the variation or amendment is made.

(3) Where the variation or amendment referred to in subparagraph (2) is not made in writing, one of the liner shipping operators shall file with the Commission a memorandum providing a detailed description of the variation or amendment in writing as soon as practicable.

(4) Each liner shipping operator shall submit to the Commission an annual compliance report containing the information required by the Commission within sixty days after the end of each calendar year in the form as determined by the Commission.

(5) Each liner shipping operator shall submit to the Commission a biennial report on the compliance of Vessel Sharing Agreements with the requirements for relief of liability under section 5 of the Act in the form as determined by the Commission within sixty days after the end of the period of two calendar years for which the biennial report is submitted.

(6) The Commission may require any liner shipping operator to provide such other particulars as necessary for the Commission to carry out the market assessment of liner shipping services in the reports made under subparagraphs (4) and (5).

(7) Where any liner shipping operators that are parties to the Vessel Sharing Agreement intend to obtain a new block exemption order after the expiry of this Order, one of the liner shipping operators shall make an application to the Commission at least six months before the expiry of this Order.

Obligation to make available documents or information

6. (1) Upon request by the Commission, the liner shipping operators shall make available to the Commission any document or information relating to the liner shipping services or other services provided by the liner shipping operators under the Vessel Sharing Agreement which the liner shipping operators are parties to, in such form, manner and within such period as determined by the Commission.

(2) The liner shipping operators shall make available document or information referred to in subsection (1)—

- (a) at the offices of the liner shipping operator or its agents in Malaysia;
- and

(b) publicly on internet website.

Cancellation of block exemption

7. (1) The Commission may, by notice in writing to the liner shipping operators, cancel the block exemption granted under paragraph 3 if—

(a) any amendment made to the Vessel Sharing Agreement is in breach of any condition imposed under paragraph 4;

(b) there is a failure to comply with any obligation imposed under paragraphs 5 and 6; or

(c) the Commission considers that the Vessel Sharing Agreement is not an agreement to which section 5 of the Act applies.

(2) The cancellation made by the Commission under subparagraph (1) shall take effect—

(a) in the case of subparagraph (1)(a) or (b), from the date of the breach of the condition or the failure to comply with the obligation imposed, as the case may be; and

(b) in the case of subparagraph (1)(c), from the date as the Commission may specify in the notice.

Made 19 June 2026

[KPDN.100 - 1/1/36; MyCC/600-4/2/4 (24); PN(PU2)724/III]

TAN SRI DATO' SRI IDRUS HARUN
Chairman
Competition Commission